

## Perbandingan Pentadbiran Pusaka di Negara-negara Islam

MOHD RIDZUAN AWANG

### ABSTRAK

*Artikel ini membandingkan undang-undang pusaka orang-orang Islam dan pentadbirannya di negara-negara Islam seperti negara Mesir, Sudan, Syria, Tunisia, Morocco, Iraq, Iran dan Indonesia. Secara umumnya undang-undang pusaka Islam (faraid) dalam pelbagai mazhab telah dilaksanakan di negara-negara Islam dan pentadbirannya diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Oleh itu, pelaksanaan tersebut amat sesuai untuk dijadikan panduan sewaktu menggubal draf undang-undang pusaka di negara ini, di mana Mahkamah Syariah sepatutnya diberi bidang kuasa mengenai perkara tersebut.*

### ABSTRACT

*This article compares the Islamic Law of Inheritance (faraid) and its administration in Islamic Countries such as Egypt, Sudan, Syria, Tunisia, Morocco, Iraq and Indonesia. Generally, the Islamic Law of Inheritance of the various schools was already implemented in the Islamic Countries and its administration was under the jurisdiction of the Shariah Court. Hence, its implementation is suitable to serve as a guideline in drafting the Islamic Law of Inheritance in Malaysia, whereby the Shariah Court should be given the jurisdiction in this aspect.*

### PENDAHULUAN

Pentadbiran undang-undang pusaka di negara-negara Islam seperti di Mesir, Sudan, Syria, Tunisia, Morocco, Iraq, Pakistan, Indonesia dan sebagainya tidak banyak ditulis secara perbandingan. Pada hal pentadbiran undang-undang pusaka di negara-negara tersebut amat berguna dan boleh dijadikan bahan dan panduan dalam mengkaji, menyedia dan menyusun draf undang-undang pentadbiran pusaka orang-orang Islam di negara ini. Dalam menyediakan artikel ini banyak masalah dihadapi, terutama sekali untuk mendapatkan gambaran yang tepat mengenai pentadbiran undang-undang pusaka di negara tersebut, kerana bahan atau rujukan semasa dan terkini khususnya mengenai

amalan, prosedur dan pentadbiran undang-undang pusaka orang-orang Islam di negara-negara tersebut tidak ada atau tidak mencukupi. Demikian juga tidak ada maklumat terkini mengenai sistem mahkamah, susunan dan perkembangan terakhir yang berlaku di mahkamah negara berkenaan serta bidangkuasa masing-masing. Oleh kerana itu artikel ini hanya melihat secara umum pentadbiran undang-undang pusaka orang-orang Islam, sama ada berpandukan kepada undang-undang bertulis yang dilaksanakan di negara berkenaan atau kes-kes mengenai pusaka yang telah diputuskan oleh mahkamah (jika ada).

#### PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG KELUARGA DI NEGARA-NEGARA ISLAM

Undang-undang Islam yang dilaksanakan di sebahagian besar negara-negara Islam adalah berkaitan dengan undang-undang diri atau undang-undang keluarga yang dikenali sebagai *al-ahwal al-Shakhsīyyah* atau *al-huquq al-'āilah*. Undang-undang ini berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, hak dan tanggungjawab mengenai nafkah, kesahataran anak, penjagaan anak, pusaka berwasiat dan tak berwasiat. Kecuali beberapa buah negara sahaja seperti Arab Saudi yang masih mengekalkan pemakaian undang-undang Islam dalam aspek undang-undang sivil, jenayah dan percukaian Islam sepertimana diperkenalkan oleh fuqaha' Islam terdahulu.

Undang-undang Keluarga Islam yang dilaksanakan oleh negara-negara Islam boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan yang berbeza, iaitu:

1. Negara Islam yang masih mengekalkan pemakaian Undang-Undang Keluarga Islam klasik berdasarkan pelbagai mazhab, tanpa mengubah dan membuat kodifikasi hingga sekarang.
2. Negara Islam yang secara total menghapuskan dan menukar Undang-Undang Keluarga Islam dengan undang-undang bertulis moden yang dikenakan kepada semua warganegara tanpa melihat kepada agama mereka.
3. Negara Islam yang membuat pembaharuan terhadap Undang-undang Keluarga Islam supaya sesuai dengan keadaan tempatan, melalui proses perundangan moden, sama ada melalui penerimaan (adoptasi) pendapat mazhab-mazhab lain atau melalui peraturan-peraturan pentadbiran. [Lihat Tahir Mahmood, 1972, 2-3].

Negara yang termasuk dalam kategori pertama ialah Saudi Arabia, Yaman, Bahrain, dan sebagainya. Negara-negara tersebut mengikut

sistem perundangan tradisi sama ada berdasarkan kepada mazhab Hanbali (Saudi), Syafie atau Hanafi (Yaman), Maliki, Syafie dan Syiah (Bahram), atau lain-lain mazhab sunni (Afghanistan, Maldives, dan beberapa negara di Afrika). [Ibid, 3-4]

Negara yang termasuk dalam kategori kedua ialah Turki (selepas kejatuhan kerajaan Uthmaniah dan sebelum 1917) dan Albania, yang kedua-duanya mempunyai penduduk majoriti beragama Islam. Undang-undang keluarga dan pusaka yang dilaksanakan ialah undang-undang sekular yang dikenakan kepada semua warganegara. Sungguhpun Undang-Undang Sivil Islam (Majallat al-Ahkam al-Adliyyah) 1876 diluluskan, tetapi undang-undang ini tidak menyentuh undang-undang keluarga dan pusaka. Undang-undang yang dilaksanakan ialah "Civil Code" 1926 yang didasarkan kepada "Civil Code" Switzerland, 1912. Perkara yang sama berlaku bagi golongan minoriti Islam di Filipina (sebelum 1985) dan Soviet Union. Di Filipina, undang-undang Islam pertama yang diiktiraf dalam sistem Perundangan Filipina ialah "Code of Muslim Personal Law, 1977", yang menyentuh undang-undang keluarga dan pusaka. Undang-undang ini mula berkuatkuasa pada bulan Oktober 1985 (Azizan Abdul Razak, 1991, hlm. 5).

Manakala Negara yang termasuk dalam kategori ketiga pula ialah Turki (mulai tahun 1917), Mesir (1920-1946), Sudan, Jordan, Syria, Tunisia, Morocco, Algeria, Iraq, Iran dan Pakistan. Pembaharuan yang dilakukan dalam undang-undang keluarga sama ada dari segi "substantif" atau "pentadbiran" atau kedua-duanya sekali, iaitu dengan menggabungkan satu atau lebih pendapat fuqaha' atau gabungan dua atau lebih pendapat tersebut sepertimana terdapat dalam Islam.

Termasuk dalam kategori ini juga ialah negara-negara Islam di Asia Tenggara seperti Brunei, Malaysia, Indonesia, Singapura dan Ceylon. Negara-negara ini menggubal Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam tersendiri secara komprehensif, termasuk pengawalan penyalahgunaan poligami dan perceraian. Walau bagaimanapun, undang-undang Islam yang berkaitan dengan pusaka berwasiat atau tak berwasiat masih kekal dan tidak berubah mengikut mazhab tertentu, terutama di Jordan, Algeria, Iran, Malaysia, Brunei, Indonesia dan Ceylon. [Tahir Mahmood, 1972, 2-8].

#### UNDANG-UNDANG PUSAKA DI NEGARA-NEGARA ISLAM

Undang-undang pusaka di negara-negara Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian; iaitu undang-undang tidak bertulis iaitu undang-undang faraid Islam tradisi berdasarkan pelbagai mazhab dan kedua; undang-undang bertulis atau kanun yang didasarkan kepada mazhab tertentu atau gabungan pelbagai mazhab.

Undang-undang tidak bertulis (uncodified) iaitu undang-undang faraid Islam yang didasarkan kepada mazhab tertentu adalah dilaksanakan dalam beberapa negara Islam seperti Jordan (Mazhab Hanafi), Lebanon (Hanafi atau Ja'fariyyah), Algeria (Maliki), Malaysia (Syafie), Brunei (Syafie) dan Ceylon (Syafie atau Hanafi). Manakala undang-undang bertulis (codified) atau kanun diperkenalkan dalam beberapa buah negara Islam sepertimana berikut:

### 1. Mesir

Negara Mesir melaksanakan “Qanun al-Mawaris” No. 77 tahun 1943 bagi harta pusaka tak berwasiat. Undang-undang ini mengandungi 48 perkara/fasal dan kebanyakan peruntukan undang-undang ini didasarkan kepada prinsip undang-undang pusaka Mazhab Hanafi. Walau bagaimanapun pendapat mazhab-mazhab lain juga telah diterimapakai dalam perkara-perkara tertentu seperti hutang bercagar (Hanbali), membunuh dengan sengaja (Maliki) kes Himariyyah atau Hajariyyah (Maliki dan Syafie), doktrin *al-radi* kepada suami atau isteri (pendapat Uthman bin Affan) dan sebagainya. Bagi harta pusaka berwasiat, diluluskan “Qanun al-Wasiyyah”, No. 71 tahun 1946. Undang-undang ini mengandungi 82 perkara, yang berkaitan dengan harta pusaka berwasiat dan undang-undang wasiat Islam. Undang-undang wasiat ini didasarkan kepada pendapat fuqaha' dari pelbagai mazhab.

### 2. Sudan

Negara Sudan melaksanakan undang-undang yang sama sepertimana berlaku di Mesir, iaitu “Qanun al-Mawaris, 1943” bagi pusaka tak berwasiat dan “Qanun al-Wasiyyah, 1946” bagi pusaka berwasiat, dengan pindaan dan pengubahsuaian dalam perkara-perkara tertentu.

### 3. Syria

Negara Syria melaksanakan undang-undang yang dikenali sebagai “al-Qanun al-huquq al-<sup>c</sup>Ailah” atau “Law of Personal Status”, 1953 [Dikri Undang-Undang, No. 59, tahun 1953]. Undang-undang ini merangkumi status diri, hubungan kekeluargaan dan pusaka berwasiat dan tak berwasiat, di mana peruntutannya didasarkan kepada pendapat Mazhab Hanafi. Kebanyakan peruntukan yang berkaitan dengan “pusaka berwasiat” adalah diambil daripada peruntukan Undang-undang Wasiat Mesir 1946. Dan “Pusaka tak berwasiat” pula mempunyai persamaan dengan “Kanun al-Mawaris”, Mesir, 1943.

#### 4. Tunisia

Negara Tunisia melaksanakan undang-undang “Majallat al-Ahwal al-Shakhsīyah” 1957 yang merangkumi undang-undang keluarga dan pusaka berwasiat dan tak berwasiat. Sungguhpun undang-undang ini didasarkan kepada Mazhab Maliki, tetapi prinsip mazhab lain juga diterimapakai seperti doktrin al-radd dan lain-lain. Peruntukan yang berkaitan dengan “pusaka tak berwasiat” terdapat sebanyak 67 perkara. Manakala “pusaka berwasiat” pula diperuntukkan sebanyak 29 perkara.

#### 5. Morocco

Negara Morocco melaksanakan undang-undang “Mudawwanat al-Ahwal al-Shakhsīyah” atau “Code of Personal Status” 1958 yang berasaskan kepada draf yang disediakan oleh Suruhanjaya Membaharu Undang-undang, yang dibentuk melalui satu Dekri Di Raja, 1957. Undang-undang ini mengandungi undang-undang keluarga, wasiat dan pusaka. Undang-undang ini juga didasarkan kepada pendapat Mazhab Maliki (dengan sedikit pengubahsuaian dalam kes-kes tertentu). Beberapa peruntukan dalam undang-undang Morocco ini mempunyai persamaan dengan Undang-Undang Diri Tunisia 1957.

#### 6. Iraq

Negara Iraq melaksanakan Undang-undang Sivil Iraq (Qanun al-Madani) tahun 1951. Kemudian undang-undang ini diganti pula dengan “Qanun al-Ahwal al-Shakhsīyah”, 1959 (Undang-undang No. 188, Tahun 1959) yang dipinda pada tahun 1963 (No. 11, Tahun 1963) bagi memasukkan peruntukan mengenai undang-undang pusaka Islam. Selama empat tahun, Undang-undang Sivil 1951 (Qanun al-Madani) di atas telah diterimapakai dalam undang-undang tahun 1959 (terutama berkaitan dengan pusaka berwasiat) sehinggalah peruntukan itu dipinda pada tahun 1963. Undang-undang ini mempunyai persamaan dengan undang-undang Mesir, Lebanon, Jordan dan Syria. Kebanyakan peruntukan undang-undang tahun 1959 ini didasarkan kepada pendapat Mazhab Hanafi dan Syiah Ja‘afariyyah. Walau bagaimanapun dalam kes pusaka berwasiat, amalan yang diterima/diiktiraf oleh mahkamah Iraq adalah mengikut anutan mazhab pihak-pihak yang terlibat dalam kes pusaka itu dan tidak ada seseorang pun boleh dipaksa supaya menerima sistem pusaka mengikut mazhab tertentu selain daripada mazhab anutannya sendiri (Tahir Mahmood, 1972, 136-142; Anderson, 1965, 364).

## 7 Iran

Republik Islam Iran melaksanakan dua jenis undang-undang mengenai keluarga dan pusaka, yaitu Undang-Undang Sipil (Civil Code) atau “Qanun Madani”, 1935, yang digubal antara tahun 1928 dan 1935 khusus bagi penganut-penganut Syiah. Undang-undang ini didasarkan kepada pendapat mazhab Syiah Ja’afariyyah (Ithna Ashar). Kedua; Undang-undang bagi orang Islam Iran bukan penganut Syiah yaitu “Laws of Personal Status (Non-Shi’a Iranians) Application Regulation, 1933” Undang-undang ini didasarkan kepada pelbagai pendapat mazhab Sunni. Undang-undang ini memperuntukkan bahawa golongan minoriti Islam di Iran adalah dibenarkan mengikut undang-undang dan adatnya sendiri dalam undang-undang diri (personal status), pusaka dan wasiat. Jika pihak-pihak dalam sesuatu kes itu terdiri dari pelbagai mazhab, maka undang-undang mazhab suami akan dikenakan (jika berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian) atau undang-undang mazhab si mati (propositus), (jika berkaitan dengan pusaka) dan undang-undang mazhab pembuat wasiat (legator), jika berkaitan dengan wasiat. [Tahir Mahmood, 1972, 153].

## 8. Indonesia

Indonesia melaksanakan Kompilasi Hukum Islam 1991 (No. 1, tahun 1991). Kompilasi Hukum Islam 1991 ini mengandungi tiga bahagian yaitu buku I tentang Hukum Perkahwinan, Buku II tentang Hukum Kewarisan dan Buku III tentang Hukum Perwakafan. Hukum Kewarisan (Buku II) terdiri daripada 6 bab dan mengandungi sebanyak 44 fasal, yang menyentuh di dalamnya persoalan hukum kewarisan, wasiat dan hibah. Undang-undang ini bukan sahaja didasarkan kepada pendapat mazhab Syafie, tetapi kepada pendapat mazhab-mazhab sunni lain seperti doktrin *al-radd*, (fasal 193), tanzil (fasal 185) dan sebagainya. Ia juga mengiktiraf undang-undang adat kelaziman seperti harta sepencarian (*gono-gini*) (fasal 190), menggalakkan perdamaian (fasal 183), dan memberi kuasa yang jelas kepada Hakim Peradilan Agama (fasal 173, 184 dan 191) dalam membuat keputusan berkaitan dengan pewarisan. Walau bagaimanapun undang-undang ini tidak memperuntukkan dengan jelas tentang ahli waris Asabah dan jenis-jenisnya, mencampuradukkan antara ahli waris asabah dan ashabul-furud, tidak ada penjelasan tentang *al-hajb* dan peruntukan fasal 177 adalah meragukan. Peruntukan ini berbunyi: “Ayah mendapat *sepertiga bahagian* bila pewaris tidak meninggalkan anak, bila ada anak, ayah mendapat seperenam bahagian”

### PENTADBIRAN PUSAKA DI NEGARA-NEGARA ISLAM

Dalam al-Quran [surah al-Nisa' (4): 7, 11, 12, 175, 176 dan 177] dan al-Sunnah terdapat hukum-hukum tetap dan terperinci tentang pembahagian pusaka dalam syariah/undang-undang Islam, tetapi prosedur dan cara-cara mentadbirkan harta pusaka tidak terdapat dengan cara terperinci. Tugas pentadbiran harta pusaka terletak kepada negara, yang mewakilkannya kepada Qadi atau Hakim. Tugas mereka dapat dianggap sebagai tugas pembahagian (mere distribution) kepada ahli-ahli waris yang berhak dan harta pusaka itu tidak terletak kepada Qadi atau Hakim.

Oleh kerana tugas, peranan dan tanggungjawab pentadbiran dan pembahagian harta pusaka adalah berat dan penting dalam Islam bagi memastikan keadilan, adalah menjadi tanggungjawab negara untuk mewujudkan peraturan-peraturan tertentu bagi mengurus dan mengendalikan perkara tersebut, dengan syarat peraturan-peraturan itu hendaklah tidak bertentangan dengan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Islam.

Di antara tugas, peranan dan tanggungjawab pentadbir-pentadbir pusaka orang-orang Islam ialah menentukan jumlah sebenar harta pusaka si mati, hak dan tanggungan yang sepatut ditolak, ahli-ahli waris yang berhak dan tidak berhak, halangan-halangan, bahagian-bahagian ahli waris yang berhak, menyelesaikan pertikaian, menggalakkan perdamaian (Sulh), memindahkan harta kepada ahli-ahli waris yang berhak dan seumpamanya. Dengan itu pentadbir-pentadbir pusaka orang-orang Islam hendaklah seorang yang berkeelayakan dan berkeahlian dalam bidang undang-undang pusaka Islam (faraid) dan persoalan-persoalan hukum yang berkaitan dengannya.

Undang-undang pusaka di negara-negara Islam banyak menitikberatkan kepada undang-undang "substantif" terutamanya undang-undang faraid Islam sepertimana dikanunkan dalam kebanyakan negara-negara Islam, tanpa menyentuh bagaimana cara-cara dan prosedur pentadbirannya harus dilakukan.

Secara umumnya, pentadbiran pusaka di negara-negara Islam adalah dilaksanakan sama ada oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah sendiri. Perkara ini banyak bergantung kepada sistem kehakiman sesebuah negara dan pembahagian atau bidangkuasa di antara mahkamah-mahkamah yang wujud. Oleh itu, bagi mengetahui pentadbiran pusaka di negara-negara Islam secara perbandingan maka ia tidak boleh dipisahkan daripada mengetahui dan mengkaji sistem kehakiman dan struktur mahkamah yang wujud di negara berkenaan serta bidangkuasa masing-masing. Dengan demikian kajian yang menyeluruh hendaklah dilakukan di negara-negara tersebut bagi menggambarkan

kedudukan sebenar tentang pentadbiran harta pusaka ini.

Sebagai contoh, kita dapat lihat pentadbiran pusaka di beberapa buah negara Islam berikut:

1. **Mesir** Sistem mahkamah di Mesir telah mengalami beberapa perkembangan dan perubahan. Perkembangan terakhir yang didapati ialah pada tahun 1956 (Qanun No. 461 dan 462, Tahun 1954/1955) telah berlaku perubahan yang agak besar dari segi perkembangan undang-undang Islam dan Mahkamah Syarak, di mana pada tahun tersebut Mahkamah Syarak (al-Mahakim al-Syar'iyyah – al-Juz'iyyah, al-ibtidaiyyah dan al-Ulya) dan Mahkamah Agama bagi bukan Islam (al-Mahakim al-Miliyyah) telah dihapuskan (ilgha') dan bidang kuasa kedua-dua mahkamah itu dipindahkan kepada Mahkamah Kebangsaan (Mahakim al-Ahliyyah atau al-Wataniyyah). Undang-undang yang dilaksanakan di Mahkamah Kebangsaan ini dalam perkara-perkara keluarga sama ada kepada orang-orang Islam atau bukan Islam adalah mengikut undang-undang diri/keluarga masing-masing, kecuali dalam undang-undang pusaka, wasiat dan wakaf hendaklah berpandukan Undang-Undang Syarak [Lihat Muhamad Mustafa Syahatah al-Husaini, 1969, 192-200].

Dengan itu jelaslah bahawa “Qanun al-Mawaris, 1943” dan “Qanun al-Wasiyyah, 1946”, telah dilaksanakan terhadap orang-orang Islam dan bukan Islam di Mesir dan dari segi pentadbirannya, undang-undang ini ditadbirkan oleh Mahkamah Kebangsaan (Mahakim al-Ahliyyah). Walau bagaimanapun cara dan prosedur pentadbiran undang-undang ini di mahkamah berkenaan masih tidak jelas. Hakim-hakim yang dilantik di mahkamah ini adalah terdiri daripada siswazah Fakulti Undang-Undang dan bukan siswazah Fakulti Syariah, Universiti al-Azhar. Hakim-hakim ini diberikan latihan khas dalam bidang undang-undang syarak sehingga taraf kemampuan mereka setanding dengan bidang undang-undang sivil (awam).

2. **Sudan** pentadbiran harta pusaka orang-orang Islam di Sudan diletakkan sepenuhnya di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Undang-Undang Mahkamah Syariah Sudan 1902 (Perkara 8), memberi kuasa kepada Qadi Besar untuk membuat pengubahsuaian terhadap “Qanun Mawaris” yang diambil dari Qanun Mesir, supaya bersesuaian dengan kepentingan umum dan selari dengan Syariah Islamiyyah. [Ahmad al-Ghandur, 1966, 11–12].

Dengan itu jelas bahawa Mahkamah Syariah di Sudan melaksanakan hukum-hukum yang berkaitan dengan “al-ahwal al-shakhsiyyah” secara umum dan hukum-hukum pusaka secara khususnya.



3. Di negara-negara Arab yang lain seperti di Arab Saudi, Jordan, Syria, Kuwait dan lain-lain; undang-undang yang berkaitan dengan “al-Ahwal al-Shakhsyyah” (termasuk undang-undang pusaka) adalah ditadbirkan di Mahkamah Syariah negara-negara berkenaan. [Lihat, Mu’awwid. Abdul al-Tawwab, 1988, 640-663].

4. **Indonesia** menurut fasal 10, undang-undang No. 14, tahun 1970, kekuasaan kehakiman dilakukan oleh pengadilan dalam lingkungan; (i) Peradilan Umum, (ii) Peradilan Agama (iii) Peradilan Meliter dan (iv) Peradilan Tata Usaha Negara. Peradilan Agama adalah merupakan salah satu sub sistem dari sistem peradilan di Indonesia. Peradilan Agama/Mahkamah Syari’ah dibentuk melalui peraturan Pemerintah No. 45 tahun 1957 di luar Jawa Madura. Secara umumnya Peradilan Agama/Mahkamah Syari’ah mempunyai bidangkuasa dalam undang-undang diri/undang-undang keluarga, wakaf, waris mal waris (pusaka) hibah, sadaqah dan baitulmal. Undang-undang yang dilaksanakan oleh Pengadilan Agama adalah hukum Islam yang berupa: (i) Hukum bertulis seperti Undang-Undang No. 22/1946; Undang-Undang No. I, 1974; Peraturan Pemerintah No. 9/1975; Peraturan Menteri Agama No. 3 dan No. 4, tahun 1975 dan lain-lain Peraturan Pelaksanaan Undang-Undang No. 1/1974 dan Peraturan Pemerintah No. 8/1977 tentang wakaf tanah milik; dan (ii) Hukum yang tak bertulis dalam bidang hukum keluarga. Peradilan Agama/Mahkamah Syari’ah dari segi pentadbiran, kakitangan dan kewangan diletakkan di bawah Department Agama. Menurut Undang-undang No. 14, tahun 1970, Mahkamah Agung merupakan Pengadilan Negara Tertinggi yang mempunyai kuasa mengawasi semua lingkungan peradilan, termasuk Peradilan Agama. [Lihat Taufiq, 1986, 20-24]. Menurut Ahmad Ibrahim, [1986, 15], Indonesia mempunyai Mahkamah Syariah untuk memutuskan kes-kes yang melibatkan orang Islam. Ada terdapat mahkamah syariah di peringkat rendah dan ada juga Mahkamah Rayuan. Mahkamah Agong mempunyai kuasa ulangkaji dalam soal undang-undang dari Mahkamah Rayuan dan kuasa mengawasi pentadbiran Mahkamah.... Mahkamah Agong mempunyai seorang Timbalan Hakim Besar yang mempunyai kuasa mengawasi pentadbiran mahkamah-mahkamah syariah. Bidangkuasa Mahkamah Syariah di Indonesia adalah terhad iaitu hanya meliputi kes-kes keluarga dan terutama sekali kes-kes di bawah Akta Perkahwinan 1974. Di beberapa tempat di Indonesia, selain daripada Pulau Jawa dan Madura, Mahkamah Syariah juga mempunyai bidang kuasa mengenai harta pusaka”

Berdasarkan kepada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa pentadbiran undang-undang pusaka orang Islam di Indonesia dilaksanakan oleh Peradilan Agama/Mahkamah Syariah dan juga oleh

Mahkamah Agong, kecuali di Pulau Jawa dan Madura. Oleh kerana itu terdapat banyak kes-kes pusaka (waris mal waris) orang-orang Islam dilaporkan dalam Laporan Undang-Undang Peradilan Agama [Lihat Law Report Putusan/Penetapan Pengadilan Agama, 1978, 159–162; Himpunan Putusan/Penetapan Pengadilan Agama, 1979/80, 211–256; Yurisprudensi Badan Peradilan Agama, 1982/1983, 1–4 dan 173–204].

### KESIMPULAN

Undang-undang dan pentadbiran pusaka orang-orang Islam di negara-negara Islam tidak banyak berbeza antara sebuah negara dengan negara yang lain. Perbezaan yang nyata hanyalah dari segi undang-undang tersebut dikodifikasikan atau sebaliknya, atau dari segi perbezaan pemakaian mazhab-mazhab tertentu seperti Hanafi, Maliki, Syafie, Hanbali atau Syiah dalam undang-undang pusaka negara berkenaan.

Negara Mesir merupakan negara Islam pertama yang mengkanunkan undang-undang pusaka Islam dan wasiat Islam, masing-masing pada tahun 1943 dan 1946. Langkah ini telah diikuti oleh negara-negara Arab yang lain, dengan mengkanunkan kedua-dua undang-undang tersebut di negara mereka, dengan pindaan dan pengubahsuaian dalam perkara-perkara tertentu mengikut keadaan tempatan dan kepentingan awam (masalah).

Undang-undang pusaka di negara-negara Islam yang dikanunkan terlalu menekankan kepada intipati undang-undang faraid atau “substantifnya”, sehingga meletakkan prosedur dan cara-cara mentadbirkan undang-undang tersebut kepada budibicara hakim atau Qadi masing-masing tanpa ada penyeragaman dan penyelarasan dalam bentuk peraturan-peraturan yang dikanunkan.

Dalam usaha untuk menggubal draf undang-undang dan pentadbiran pusaka orang-orang Islam di Malaysia, perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian:

1. Bagi mengembalikan undang-undang Islam sebagai undang-undang asas dan menaikkan taraf Mahkamah Syariah di negara ini, maka undang-undang pusaka Islam dan pentadbiran undang-undang tersebut hendaklah diletakkan di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah sepenuhnya.
2. Penggubalan undang-undang pusaka orang-orang Islam di Malaysia hendaklah meliputi:
  - a. Undang-Undang Pusaka Islam (Faraid) dalam bentuk kodifikasi (kanun) yang berasaskan pendapat mazhab Syafie atau pendapat mazhab-mazhab Sunni lain, demi kepentingan dan masalah umat Islam, dan

- b. Undang-Undang Pentadbiran Pusaka Orang-orang Islam. Kedua-dua undang-undang ini amat penting dan saling berkaitan antara satu sama lain demi untuk memberi keadilan dalam pembahagian harta pusaka si mati kepada ahli-ahli waris terlibat.
3. Undang-undang pusaka di negara-negara Islam terutamanya Qanun Mawaris Mesir, 1943 dan Qanun Wasyyah, 1946 merupakan contoh yang paling baik, kerana undang-undang tersebut telah terbukti keberkesanannya semenjak lebih 50 tahun yang lalu.
4. Kajian yang terperinci mengenai bagaimana cara dan prosedur pentadbiran undang-undang di atas itu dilaksanakan hendaklah dilakukan segera sebelum penggubalan dibuat.
5. Halangan-halangan yang mungkin timbul kerana perletakan hak dan bidang kuasa mengenai pentadbiran pusaka orang-orang Islam kepada Mahkamah Syariah, sama ada dari segi undang-undang atau birokrasi hendaklah diatasi segera.
6. Pegawai-pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah hendaklah membuat persediaan awal yang secukupnya bagi melaksanakan kehendak undang-undang pusaka Islam yang dicadangkan.

#### RUJUKAN

- Ahmad al-Ghandur. 1966. *Al-Mirath fi al-Islam wa al-Qanun*, Mesir: Dar al-Maarif.
- Ahmad Ibrahim. 1986. "Kedudukan Mahkamah Syariah Dalam Sistem Kehakiman", dalam *International Shariah Conference on the Role of Judiciary In The Development of Islamic Law*, Kuala Lumpur: SEASA Conference.
- Anderson. 1965. "Recent Reforms In The Islamic Law of Inheritance," dalam *International and Comparative Law Quarterly*, Vol. 14, part 2.
- Anwar Ahmad Qadri. 1986. *Islamic Jurisprudence In the Modern World*, India: Taj Company
- Asaf A.A. Fayzee. 1974. *Outlines of Muhammadan Law*, Delhi: Oxford University Press.
- Azizan Abdul Razak. 1991. *Syariah, Adat, And Common Law Amongst The Maranaos of Southern Philippines – An Exploratory and Comparative Study*, Singapore: Asia Foundation.
- Badran Abu Al-Ainain Badran. 1981. *Ahkam al-Tarikah wa al-Mawarith fi al-Syariah al-Islamiyyah wa al-Qanun*, Mesir: Dar al-Ma'arif.
- \_\_\_\_\_ 1985. *Al-Mawarith wa al-Wasyyah wa al-hibah fi al-Syariah al-Islamiyyah wa al-Qanun*.
- Himpunan Putusan/Penetapan Pengadilan Agama, Tahun 1979/80.

- Komplikasi Hukum Islam Indonesia, 1991.
- Law Report Putusan/Penetapan Pengadilan Agama, Tahun 1978.
- Mohammad Ali al-Sabūnī. (t.t.), *Al-Mawarīth fi al-Syari'ah al-Islamiyyah fi dau'i al-Kitāb wa al-Sunnah*, Beirut: Matbaah Dar al-Qalam.
- Mu'awwid Abdul al-Tawwab. 1988. *Al-Siyaqh al-Syariyyah Li Da'awa al-Ahwal al-Syakhsiyyah*, Dar al-Wafa' Li al-tiba'ah wa al-nasyr.
- Mohammad Mustafa Syahatah al-Husaini. 1969 *al-Ahwal al-Syakhsiyyah*, Mesir: Matba'ah dar al-ta'lif bil-maliah..
- Tahir Mahmood. 1972. *Family Law Reform In The Muslim World*, Bombay: N. M. Tripathi.
- Taufiq. 1986. *The Role of Judiciary In The Development of Islamic Law The Indonesian Experience*, Kuala Lumpur: SEASA Conference.
- Yorisprudensi Badan Peradilan Agama, Tahun 1982/1983.

Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan.